

28/08/1998

Firma Amerika mula rasa tekanan ekonomi

KUCHING, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kesusutan ekonomi berikutan serangan ke atas mata wang di Asia Timur, kini mula dirasai syarikat di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, semakin lama pedagang mata wang bertindak menekan ekonomi Asia Timur, semakin teruk tekanan yang akan dirasai syarikat Amerika.

"Mungkin tak lama lagi kita akan lihat kesusutan ekonomi dunia," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya di sini, petang ini.

Dr Mahathir memberi contoh, Boeing - pembuat kapal terbang besar 'yang sombong dan kaya' sudah tidak dapat menjual pesawatnya lagi.

"Tidak lama lagi kita akan lihat eksekutif Boeing duduk tepi jalan, jual kapal terbang murah.

"Masa itu, barulah Amerika tahu yang menyebabkan pesawat Boeing tidak laku adalah penyangak mata wang yang sudah mencuri wang negara membangun," katanya.

Dr Mahathir berkata, tidak mustahil Boeing tidak akan dapat menjual pesawat kerana negara membangun yang menjadi pelanggannya, sudah tidak mampu membeli.

"Malaysia membeli kapal terbang yang besar ini kerana hendak membawa orang kita untuk perjalanan jauh ke Eropah dan Amerika.

"Tetapi mereka dah samun duit kita... kita tak ada duit, bukan saja kita tak boleh beli... bahkan yang adapun kita terpaksa jual.

"Sekarang mereka terasa sedikit tekanan ekonomi, bukan saja Boeing, Coca-Cola dan syarikat lain juga," katanya.

Beliau berkata, pada waktu itu negara maju mungkin mengakui hakikat ia adalah perbuatan penyangak dan akan menghumban mereka ke dalam penjara.

"Kalau penyangak masuk jail (penjara), saya harap Soros pun masuk jail jugalah...," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak pernah membuat sesuatu kepada mereka dan tidak adil mereka mencuri duit rakyat negara ini.

Katanya, negara ini dibangunkan oleh rakyatnya sendiri dan dengan menggunakan wang sendiri, bukannya menggunakan wang mereka.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata: "Malaysia akan melawan. Saya dan anda semua, kita bertanggungjawab.

"Saya tidak tahu sama ada kita boleh menang atau tidak, tetapi kita tetap akan lawan. Kita boleh kerana rakyat Malaysia tenang, bersatu padu dan kuat menyokong kerajaan."

Perdana Menteri yakin negara dapat mengatasi halangan itu jika rakyat bekerjasama dan menyokong dasar kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan yang tidak disokong rakyat, walaupun bijak sekalipun, tidak boleh menjayakan negara.

"Kita nak jayakan negara untuk melawan penyangak melalui kerjasama rakyat dan kerajaan.

"Sebab itu rakyat mesti faham apa sedang berlaku. Kita tidak boleh melawan musuh yang tidak dapat dilihat, kita tidak boleh melawan apa yang kita tidak faham, kita perlu faham," katanya.

Perdana Menteri mahu rakyat jangan mengambil tindakan liar, seperti mogok, kerana ia akan melemahkan negara.

Beliau juga meminta rakyat menyumbang kepada Dana Khas Negara untuk membantu peniaga tempatan membuat pinjaman dan menjalankan peniagaan.

"Kita perlu RM25 bilion. Kalau nak derma terima kasihlah. Walaupun derma sedikit saja, tetapi ia mencerminkan semangat kita.

"Walaupun wang itu tidak dapat mengatasi masalah kewangan kita, tetapi Alhamdulillah, kerana ia membuktikan semangat patriotik, semangat bertanggungjawab kita terhadap negara kita," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima cek bernilai RM2 juta sumbangan kerajaan negeri dan rakyat Sarawak yang disampaikan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

(END)